

# Muhyiddin dihalang ke Uzbekistan sambut ulang tahun perkahwinan

Oleh **YASMIN NATASHA HAIRUL**

Yasmin.hairul@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Mahkamah Sesyen di sini semalam menolak permohonan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi mendapatkan sementara pasport antarabangnya untuk ke Uzbekistan bagi menyambut ulang tahun perkahwinannya.

Hakim Azura Alwi tidak membenarkan permohonan selepas membenarkan bantahan pihak pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Noralis Mat.

Hakim dalam keputusannya bersetuju dengan hujah pendakwaan bahawa alasan yang dikemukakan oleh pemohon (Muhyiddin) tidak mewajarkan mahkamah melepaskan pasport tersebut kerana pemohon

masih boleh bercuti atau meraikan apa-apa keraian di dalam negara.

Terdahulu, Datuk Hisyam Teh Poh Teik memaklumkan anak guamnya ingin mendapatkan sementara pasportnya yang berada dalam simpanan mahkamah bermula 4 hingga 14 Oktober ini.

Ini kerana, anak guamnya perlu ke Uzbekistan untuk meluangkan masa bersama-sama isterinya sempena ulang tahun perkahwinan mereka yang ke-52 pada 22 September lalu.

“Beliau dan isterinya juga ingin melakukan perjalanan singkat ke Uzbekistan sebagai bentuk rehat dari pelbagai cabaran yang dihadapi dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

“Antara cabaran tersebut termasuk tuduhan di bawah Akta



**MUHYIDDIN YASIN**

Hasutan 1948 yang dikenakan ke atasnya pada 27 Ogos lalu serta keputusan yang telah disampaikan dalam permohonan semakan tersebut,” kata Hisyam.

Noralis membantah permo-

honian itu kerana alasan yang diberikan oleh pihak pembelaan adalah tidak serius ataupun kritikal.

“Ini adalah satu alasan yang remeh. Percutian dan sambutan ulang tahun boleh dibuat di Malaysia. Dalam hal ini, keseriusan kesalahan perlu diambil kira.

“Saya memohon mahkamah menolak permohonan ini dan perlu pertimbangkan keseriusan pertuduhan dihadapi pemohon selain risiko flight risk (lari-diri),” kata Noralis.

Sebelum ini, media melaporkan, Muhyiddin, 77, didakwa menggunakan kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri ketika itu untuk menerima suapan berjumlah RM232.5 juta berkaitan Projek Jana Wibawa daripada tiga syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn. Bhd., Nep-turis Sdn. Bhd. dan Mamfor Sdn.

Bhd. serta Datuk Azman Yusoff, bagi Bersatu.

Beliau dituduh melakukan perbuatan itu di Pejabat Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra di Putrajaya antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021.

Muhyiddin juga berdepan dua pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM195 juta daripada Bukhary Equity yang dimasukkan ke akaun CIMB Bank milik Bersatu di CIMB Bank Cawangan Menara KL antara 25 Februari dan 16 Julai 2021, serta 8 Februari dan 8 Julai 2022.

Beliau juga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 13 Mac tahun lalu atas pertuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta dan kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sini untuk dibicarakan bersama.